

UCAPAN PERDANA MENTERI KETIKA MENGENGEMUKAKAN USUL MENGENAI LAPURAN SURUHANJAYA PILIHANRAYA ATAS PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHANRAYA PARLIMEN DAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHANRAYA NEGERI BAGI SEMENANJUNG MALAYSIA DI DEWAN RAKYAT, KUALA LUMPUR PADA 23HB JULAI, 1974

Tuan Yang Dipertua.

Saya mohon mencadangkan—

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan bahawa mengikut kuasa-kuasa yang diletakhakkan padanya menurut seksyen 10 dalam Jadual Ketigabelas kepada Perlembagaan Persekutuan, deraf Perintah Persempadanan Bahagian-bahagian pilihanraya (Negeri-negeri Tanah Melayu), 1974 yang telah dibentangkan dalam Dewan ini sebagaimana dikehendakki di bawah seksyen 9 dalam Jadual itu bagi menguatkuasakan, dengan ubahsuaian-ubahsuaian, syor-syor yang terkandung dalam Lapuran Suruhanjaya Pilihanraya kepada Perdana Menteri, Malaysia, mengandungi syor-syor mengenai persempadanan Bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri dalam Negeri-negeri Tanah Melayu diluluskan.”

Sebagaimana Ahli-ahli Yang terhormat masih ingat, dalam sidangnya pada 10 Julai, 1973, Dewan telah meluluskan Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2), 1973. Menurut Akta itu, Perkara 46 dalam Perlembagaan telah dipinda dengan menambah bilangan kerusi-kerusi dalam Dewan ini dari 144 hingga 154, iaitu tambahan sepuluh kerusi yang diuntukkan bagi Negeri-negeri Tanah Melayu. Berikutan dengan tambahan kerusi-kerusi Parlimen dalam Negeri-negeri Tanah Melayu, Dewan-dewan Negeri Kedah, Kelantan, Trengganu, Pulau Pinang, Perak, Pahang dan Selangor telah meminda Perlembagaan-perlembagaan Negeri masing-masing dengan menambah bilangan kerusi-kerusi dalam Dewan-dewan Negeri.

Seksyen 16 dalam Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2), 1973 menghendaki Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan ulangkaji mengenai pembahagian Negeri-negeri Tanah Melayu kepada bahagian-bahagian pilihanraya dan mengesyorkan apa-apa perubahan yang difikirkan perlu untuk mematuhi peruntukan-peruntukan

Akta itu dan peruntukan-peruntukan Perkara 46 dan Jadual Ketigabelas kepada Perlembagaan sebagaimana dipinda oleh Akta itu.

Suruhanjaya Pilihanraya telahpun menyiapkan Lapurannya bersesuaian dengan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Jadual Ketiga belas kepada Perlembagaan itu pada 20hb Julai, 1974, dan telah mengemukakan Lapuran itu kepada saya pada 22hb Julai, 1974, sebagaimana dikehendaki oleh seksyen 8 dalam Jadual Ketigabelas kepada Perlembagaan. Lapuran itu telah juga dibentangkan dalam Dewan ini sebagai Kertas Statut No. 73 tahun 1974.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat dapat melihat, Lapuran itu terdiri daripada enam Bab. Bab I mengandungi latarbelakang. Dalam Bab II pecahan kerusi-kerusi Parlimen adalah ditunjukkan Negeri demi Negeri sebagai hasil pindaan kepada Perkara 46 yang saya sebutkan tadi. Perenggan 2.3 dalam Bab itu juga memberi angka-angka perbandingan berkenaan dengan bilangan kerusi-kerusi Parlimen dan Negeri, sebelum dan selepas pindaan kepada Perlembagaan-perlembagaan Persekutuan dan Negeri.

Bab III mengandungi prinsip-prinsip persempadanan sebagaimana ditetapkan dalam seksyen 2 dalam Jadual Ketigabelas kepada Perlembagaan. Bahagian ini dalam Lapuran itu menghuraikan sepenuhnya bagaimana suruhanjaya Pilihanraya telah menjalankan tugasnya dengan mematuhi prinsip-prinsip ini dengan sepenuhnya. Saya tidaklah hendak mengambil masa Dewan ini menghuraikannya dengan panjang lebar. Hanya ada dua perkara sahaja di bawah Bab ini yang hendak saya sentuhkan. Pertama, daftar-daftar pemilih yang digunakan bagi maksud persempadanan ini ialah daftar-daftar pemilih yang telah diperakui dalam bulan Februari tahun 1974. Kedua, Suruhanjaya mengesyorkan beberapa perubahan tentang nama-nama bahagian-bahagian pilihanraya yang sedia ada sekarang. Sebab-sebab bagi perubahan-perubahan itu adalah diberi dalam perenggan 3.18 dalam Lapuran itu.

Bab IV dalam Lapuran itu ialah berkenaan dengan rayuan-rayuan terhadap syor-syor yang dicadangkan itu. 140 rayuan telah diterima tetapi hanya 41 sahaja telah mematuhi kehendak-kehendak Jadual Ketigabelas. Penyiasatan-penyiasatan tempatan telah diadakan bagi mendengar 41 rayuan itu. Selepas mendengar rayuan-rayuan itu, Suruhanjaya Pilihanraya telah meminda syor-syor yang dicadangkan olehnya kecuali syor-syor berkenaan

dengan bahagian-bahagian pilihanraya dalam Negeri Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan. Syor-syor yang dipinda itu telah disiarkan sekali lagi dan lapan rayuan telah diterima tetapi hanya dua daripadanya sahaja telah mematuhi Jadual Ketigabelas. Ini sekali lagi telah diikuti dengan penyiataan-penyiataan tempatan. Ringkasan rayuan-rayuan terhadap syor-syor yang dicadang dan dipinda itu adalah masing-masing dinyatakan dalam Lampiran-lampiran A dan B.

Bab V dalam Lapuran itu mengandungi syor-syor muktamad bagi persempadanan selepas mengambil kira tentang rayuan-rayuan. Ringkasan syor-syor berkenaan dengan persempadanan kepada Bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri adalah dinyatakan dalam Jadual Kelima dan senarai bagi semua daerah mengundi dalam tiap-tiap satu bahagian pilihanraya bersama dengan bilangan pemilih dalam tiap-tiap satu daerah mengundi itu adalah dinyatakan dalam Jadual Ketujuh.

Bab VI dalam Lapuran itu mengandungi Lampiran-lampiran dan Jadual-jadual. Folder dalam Lampiran itu mengandungi dua belas peta menunjukkan sempadan-sempadan Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri sebagaimana disyorkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Tuan Yang Dipertua.

Mengikut Seksyen 9 dalam Jadual Ketigabelas kepada Perlembagaan, Lapuran itu hendaklah dibentangkan bersama dengan deraf sesuatu Perintah yang hendak dibuat di bawah seksyen 12, untuk menguatkuasakan dengan atau tanpa ubahsuaian-ubahsuaian, syor-syor yang terkandung dalam Lapuran itu. Deraf Perintah itu sekarang ini ada di hadapan Dewan ini sebagai Kertas Statut No. 74 tahun 1974.

Ahli-ahli Yang Berhormat akan dapat melihat dari deraf Perintah itu bahawa syor-syor muktamad akan dikuatkuasakan kecuali berkenaan dengan Bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri dalam Negeri Johor. Deraf Perintah itu bercadang hendak menguatkuasakan, setakat mana yang berkenaan dengan Negeri Johor, syor-syor yang dicadangkan lebih awal oleh Suruhanjaya Pilihanraya sebagaimana yang telah disiarkan di bawah seksyen 4 dalam Jadual Ketigabelas. Syor yang dicadangkan ini telah dipinda oleh Suruhanjaya selepas mendengar suatu rayuan dalam suatu penyiataan tempatan yang diadakan di Lenga, Johor, pada 3hb Jun, 1974. Bagaimanapun, pindaan itu telah

melibatkan semua bahagian-bahagian pilihanraya kecuali bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen TENGGARAH dan PANTI walaupun tiada apa-apa rayuan telah dibuat mengenai semua bahagian pilihanraya yang lain itu. Rayuan dan keputusan mengenai rayuan itu adalah diringkaskan dalam muka surat 76 dalam Lapuran itu.

Kerajaan telah mengkaji syor ini dengan amat teliti dan memandang kepada fakta bahawa rayuan itu telah dibuat hanya mengenai suatu bahagian pilihanraya sahaja maka tidaklah ada suatu sebab yang patut bagi meminda syor yang lebih awal itu mengenai semua bahagian pilihanraya yang lain itu. Oleh yang demikian, adalah lebih munasabah dan berpatutan supaya syor yang dicadangkan lebih awal itu diterima dan dikuatkuasakan.

Tuan Yang Dipertua.

Deraf Perintah itu menyatakan dengan jelasnya ubahsuaian-ubahsuaian yang hendak dibuat kepada syor-syor itu. Jadual Pertama kepada Deraf Perintah itu mengandungi Bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri sebagaimana dicadangkan untuk diterima, manakala Jadual Kedua pula mengandungi suatu senarai daerah-daerah mengundi dalam Bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri itu.

Dilampirkan bersama deraf Perintah itu ialah suatu Peta menunjukkan sempadan-sempadan bagi Bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri yang disebutkan dalam Jadual Pertama.

Tuan Yang Dipertua.

Sebagaimana dimaklum, ulangkaji bahagian-bahagian Pilihanraya ini dibuat memandang kepada perkembangan-perkembangan yang berlaku di negara kita terutama dalam bidang ekonomi dan sosial dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu dan bertambahnya bilangan penduduk di Semenanjung Malaysia dan juga di Sabah dan Sarawak. Penambahan kawasan pilihanraya Parlimen dan Negeri sebagaimana yang disyor dalam Lapuran itu akan diberikan peluang kepada rakyat untuk mendapat perwakilan yang lebih sempurna dan berkesan. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat akan menyambut baik langkah yang telah diambil itu dan memberi sokongan mereka.

Akhirnya, saya suka mengambil peluang ini untuk menyampaikan setinggi-setinggi terimakasih dan penghargaan kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya kerana telah menyiapkan Lapuran ini dalam tempoh yang segera. Begitu juga kepada Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya, Encik Hassan Ibrahim, dan pegawai-pegawai lain yang telah bertugas siang dan malam beberapa lama untuk menyiapkan Lapuran ini serta dengan peta-peta dan sebagainya.

Tuan Yang Dipertua.

Saya mohon mencadangkan supaya usul ini diluluskan.